

24 OCT 2001

LITAR-BSKL

PEMUTUS LITAR DI BSKL AKAN DILAKSANA SUKU PERTAMA 2002

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mensasarkan untuk melaksanakan mekanisma pemutus litar dalam suku pertama tahun depan, kata Timbalan Presiden II bursa itu, Ungku A. Razak Ungku A. Rahman hari ini.

Pemutus litar itu yang diumumkan oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Belanjawan 2002 pada 19 Okt lepas, akan membantu menyederhanakan lebih kemudahan ruapan pasaran.

Mekanisme pemutus litar itu akan berfungsi apabila Indeks Komposit (IK) BSKL jatuh lebih daripada 10 peratus, 15 peratus dan 20 peratus berbanding dengan nilai penutup pada hari sebelumnya, kata Ungku Razak pada sidang media di sini.

Sekiranya IK jatuh lebih daripada 10 peratus tetapi kurang daripada 15 peratus pada nilai penutup hari sebelumnya, dagangan akan berhenti selama satu jam jika ia berlaku sebelum pukul 11.15 pagi atau 3.45 petang.

Bagaimanapun, dagangan akan terhenti sepanjang sesi dagangan jika ianya berlaku pada atau selepas pukul 11.15 pagi atau 3.45 petang.

Sekiranya IK jatuh pada agregat 15 peratus tetapi kurang daripada 20 peratus nilai penutup hari sebelumnya, dagangan dihentikan selama sejam jika ianya berlaku sebelum 11.15 pagi atau 3.45 petang.

Beliau berkata jika IK jatuh pada agregat 20 peratus atau lebih, dagangan akan diberhentikan sepanjang hari ini.

Ungku Rahman berkata dari segi sejarah BSKL pernah jatuh dalam lebih 10 peratus sebanyak 10 kali.

Semasa mengemukakan cadangan itu, Dr Mahathir berkata pemutus litar itu akan menyediakan para pelabur ruang bernafas sebelum aktiviti dagangan pasaran saham disambung dan ia juga bertujuan mengekalkan keyakinan pelabur dan pasaran, terutamanya di dalam persekitaran pasaran yang tidak menentu.

-- BERNAMA

MAS MR NHD